



8 Julai 2015
8 July 2015
P.U. (A) 147

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) 2015

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Kelantan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 9 Julai 2015.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “Negeri Kelantan Darul Naim”—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 38 butiran yang berikut:

“39. (*Laluan 482*): *Jalan Pasir Puteh–Tok Bali*

Dari persimpangannya dengan Laluan 3, Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu di Pasir Puteh di koordinat U 5.836304, T 102.386504 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 189, Jalan Pesisir Pantai Kelantan di Tok Bali di koordinat U 5.896735, T 102.477129 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 12: Jalan Pasir Puteh-Tok Bali (jarak sepanjang 12.5 km).”;
dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 11: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI KELANTAN peta yang berikut: